

Manifestasi Akal Budi dan Kearifan Tempatan dalam Teka-Teki Filem *Nujum Pak Belalang* (1959)

The Manifestation of Intellect and Local Wisdom in the Riddles of the Film
Nujum Pak Belalang (1959)

FADZILAH ABDUL RAHIM, MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH*
& SHAFUL BAHRI MD RADZI

Received: 19-2-2026 /Accepted: 28-5-2026

ABSTRAK

Kajian ini menelusuri persembahan tradisi lisan berbentuk teka-teki Melayu dari sudut akal budi Melayu dan kearifan tempatan. Kajian menggunakan filem Melayu klasik yang mengabadikan kehebatan teka-teki Melayu iaitu filem Nujum Pak Belalang terbitan 1959 menjadikan teka-teki Melayu sebagai wacana utamanya. Kajian ini meneliti ungkapan dalam lima teka-teki yang menampilkan watak Nujum Pak Belalang sebagai Nujum Diraja. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis teka-teki yang bercitrakan akal budi dan kearifan tempatan daripada filem tersebut. Metodologi kajian menggunakan filem Melayu klasik Nujum Pak Belalang sebagai sumber utama untuk meneliti kehebatan teka-teki Melayu sebagai wacana tradisi lisan. Analisis difokuskan kepada lima teka-teki yang menampilkan watak Nujum Pak Belalang sebagai Nujum Diraja, walaupun watak tersebut secara kebetulan berjaya menyelesaikan teka-teki yang sukar. Kajian ini menggunakan konsep akal budi Melayu dan kearifan tempatan dalam menjelaskan nilai dan fungsi yang terdapat dalam teka-teki tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teka-teki dalam filem Nujum Pak Belalang mencerminkan pelbagai dimensi akal budi dan kearifan tempatan termasuk aspek kepimpinan, perkongsian sosial, humor sebagai medium pendidikan, perlambangan bahasa unsur kejenaakaan. Teka-teki tersebut bukan sahaja menguji kecerdasan minda, malah berperanan sebagai medium pendidikan tidak formal yang menyampaikan nilai budaya dan norma masyarakat.

Kata kunci: akal budi; Filem Nujum Pak Belalang; kearifan tempatan; teka-teki Melayu; tradisi lisan.

ABSTRACT

This paper explores the Malay oral tradition in the form of Malaysian riddles through the application of Malay intellect (akal budi) and local wisdom (kearifan tempatan) as conceptual keys using the classic Malay movie Nujum Pak Belalang (1959) as the principal source. The study examines the expressions found in five riddles featuring the character Nujum Pak Belalang in his role as the Royal Astrologer (Nujum Diraja). Accordingly, the objective of this research is to analyse riddles that embody Malay intellect and local wisdom as portrayed in the film. In terms of methodology, the study employs the film as the primary source to investigate the excellence of Malay riddles as a form of oral-tradition discourse. The analysis focuses on five riddles associated with the character Nujum Pak Belalang, the Royal Astrologer, even though the character often solves difficult riddles by coincidence. This study applies the concepts of Malay intellect and local wisdom to explain the values and functions embedded within these riddles. The findings indicate that the riddles in Nujum Pak Belalang reflect multiple dimensions of Malay intellect and local wisdom, including leadership, social sharing, humour as an educational medium, and symbolic and playful language. These riddles not only test intellectual sharpness but also function as an informal educational medium that conveys cultural values and societal norms.

Keywords: Malay intellect; Nujum Pak Belalang; local wisdom; Malay riddles; oral tradition.

PENGENALAN

Filem *Nujum Pak Belalang* (1959) arahan Tan Sri P. Ramlee merupakan sebuah filem klasik Melayu yang diadaptasi daripada cerita jenaka Melayu berjudul *Pak Belalang*. Teka-teki yang terkandung dalam cerita *Pak Belalang* merupakan sisipan puisi tradisional dalam menghasilkan unsur kejenakaan sebuah prosa lisan (cerita jenaka) sekaligus menjadi medium yang memperlihatkan fungsi teka-teki sebagai bentuk pertarungan intelektual melalui pertandingan (Harun, 1989). Walaupun filem *Nujum Pak Belalang* (1959) menjadikan cerita jenaka *Pak Belalang* sebagai landasan utama naratif, namun kemunculan filem ini di layar perak tidak terlepas dari menerima sentuhan kreatif P. Ramlee dari sudut pengolahan jalan cerita dan penerapan idea baru yang cukup menarik dan kreatif. Keadaan tersebut jelas memperlihatkan keterampilan dan kebijaksanaan pengarahnya dalam mengolah cerita jenaka yang terkenal dalam masyarakat Melayu ke layar Perak (Wan Hashim, 2003). Sentuhan arahan Seniman Agung Negara Tan Sri P. Ramlee dalam filem ini lantas memungkinkannya merangkul Anugerah Filem Komedi Terbaik Asia di Pesta Filem Asia ke-7 di Tokyo pada tahun 1960 (Abi 1986). Secara keseluruhannya, naratif filem *Nujum Pak Belalang* (1959) ini bertolak daripada kehidupan Belalang dan ayahnya yang hidup serba kemiskinan. Kemampuan menipu helah yang dimiliki oleh ayah Belalang tersebut berikutnya memungkinkan Sultan Kerajaan Beringin Rendang melantik Pak Belalang sebagai Ahli Nujum Diraja. Peranan Pak Belalang sebagai Ahli Nujum Diraja kerajaan Beringin Rendang mula teruji dengan bermulanya babak pertandingan teka-teki. Berhubung dengan itu, Ahli Nujum Kerajaan Masai bertindak mencabar Ahli Nujum Kerajaan Beringin Rendang untuk menjawab teka-teki dalam tempoh tiga hari sebagai ukuran tahap kepandaian kedua-dua buah kerajaan dengan mempertaruhkan kedaulatan kerajaan masing-masing.

Dalam pertarungan besar untuk menentukan keunggulan intelek kedua-dua buah kerajaan tersebut, sebanyak lima buah rangkap teka-teki telah diajukan oleh Ahli Nujum Kerajaan Masai kepada Ahli Nujum Kerajaan Beringin Rendang. Setelah Ahli Nujum Kerajaan Masai mengujarkan keempat-empat teki-teki tersebut, soalan yang dibebankan di dalamnya cukup membuatkan khalayak yang mendengarnya terpinga-pinga dan kebingungan. Namun begitu, sekiranya dicermati, di sebalik kesukaran soalan teka-teki yang menuntut kejernihan pemikiran yang tinggi untuk mencernanya, keempat-empat soalan teka teki tersebut juga sebenarnya digarap dengan menerapkan akal budi dan kearifan tempatan masyarakat Melayu secara asasnya. Baris-baris rangkap keempat-empat soalan teka-teki tersebut dikarang dengan sarat mengandungi akal budi dan kearifan tempatan Melayu yang cukup menarik untuk diketengahkan. Bertolak daripada itu, kajian ini ingin meneliti manifestasi akal budi dan kearifan tempatan Melayu yang digarap dalam soalan teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* (1959) untuk memperlihatkan estetika masyarakat Melayu dalam menggarap hasil kesusasteraannya.

SOROTAN LITERATUR

Penelitian awal terhadap kajian lepas mengenai filem *Nujum Pak Belalang* menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat dua kajian yang telah dilakukan ke atas filem *Nujum Pak Belalang* (1959). Mutakhir, kajian oleh Rahmi Tahniah, Saidat Dahlan dan Asnawi (2017) di Indonesia yang menumpukan fokus penelitiannya terhadap aspek pronomina atau kata ganti dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam skrip filem *Nujum Pak Belalang*. Hasil kajian mendapati beberapa pronomina telah digunakan dalam filem ini digunakan seperti pronomina persona pertama tunggal

[hambe], [beta], dan [pati?], pronomina persona pertama jamak [kite], pronomina persona kedua tunggal [mike] serta pronomina penunjuk umum [ni] dan [tu].

Selanjutnya, kajian oleh Mastura (2006) pula membincangkan filem *Nujum Pak Belalang* (1959) sebagai medium seni yang mempunyai bentuk atau *form* yang boleh dilihat secara menyeluruh sebagai satu sistem yang menghubungkan aspek-aspek yang terdapat di dalamnya. Dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Mastura (2006) tersebut menemukan bahawa filem *Nujum Pak Belalang* mempunyai bentuk kesempurnaan sebagai sebuah filem komedi berikutan kandungan filemnya yang mengandungi struktur atau prinsip penting yang digariskan oleh Boardwell dan Thompson.

Berdasarkan kajian lepas yang dihimpunkan tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa filem *Nujum Pak Belalang* (1959) telah diteliti dari beberapa perspektif seperti kata ganti nama yang digunakan di dalam filem dan aspek kesempurnaannya sebagai sebuah filem komedi. Bertolak daripada itu, analisis ke atas kandungan teka-teki Melayu sebagai perlambangan sebenar filem ini khususnya unsur akal budi dan kearifan tempatan Melayu yang menjadi asasnya dalam soalan teka-teki tersebut masih lagi kurang dibincangkan oleh para intelek terdahulu. Oleh yang demikian, aspek akal budi dan kearifan tempatan yang terkandung dalam teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* (1959) menarik untuk diberi perhatian secara teliti. Hal ini dapat mengetengahkan nilai akal budi dan kearifan tempatan masyarakat Melayu silam untuk difahami dan diteladani oleh generasi Melayu masa kini dengan lebih berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kajian kualitatif dengan mengimplementasikan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Persoalan penyelidikan merupakan suatu proses yang menentukan jawapan yang dikehendaki hasil daripada penyelidikan (Rozmi Ismail, 2022). Dalam kajian ini, kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai topik kajian dengan melakukan bacaan rapi terhadap bahan ilmiah seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah, artikel jurnal, kertas persidangan, seminar dan kolokium, majalah ilmiah dan sebagainya baik dalam bentuk bercetak mahupun salinan lembut. Kesemua bahan tersebut diperoleh dari Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selanjutnya, kaedah analisis kandungan dipraktikkan dengan menganalisis filem *Nujum Pak Belalang* (1959) untuk mengetahui secara terperinci mengenai sesuatu isu yang ingin diteliti khususnya manifestasi akal budi dan kearifan tempatan menerusi teka-teki Melayu dalam filem berkenaan. Kaedah kajian ini dilaksanakan menerusi tiga tatacara iaitu mengumpul, mengenal pasti dan merumuskan data. Pada fasa mengumpul, data penyelidikan yang bersesuaian dengan objektif kajian akan dikumpul dengan menonton filem *Nujum Pak Belalang* secara rapi. Selanjutnya, data yang telah dikumpulkan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk mendapatkan menganalisis dapatan kajian. Data kajian yang telah dianalisis berikutnya akan dimanfaatkan untuk mengemukakan rumusan mengenai dapatan kajian yang dijalankan. Pada masa yang sama, kelima-lima teka-teki dalam filem *Nujum Pak Belalang* ini akan diteliti menggunakan konsep akal budi Melayu dan kearifan tempatan dalam menjelaskan nilai dan fungsi yang terdapat dalam teka-teki tersebut.

FILEM NUJUM PAK BELALANG (1959)

Nujum Pa' Blalang (seterusnya dieja sebagai *Nujum Pak Belalang*) merupakan sebuah filem Melayu berunsur komedi yang diterbitkan pada 26 Disember 1959 di Singapura. Syarikat yang menerbitkan filem ini ialah Malay Film Production dan diedarkan oleh Shaw Brothers di Singapura. Filem *Nujum Pak Belalang* (1959) diarahkan dan dilakonkan sendiri oleh Tan Sri P. Ramlee di samping penolong pengarah filem ialah S.Sudarmaji. Pada masa yang sama, skrip juga telah ditulis oleh Tan Sri P. Ramlee dan S.Sudarmaji. Para pelakon yang membintangi filem ini ialah P. Ramlee (*Nujum Pak Belalang*), Hashismah Yon (*Puteri Si Bujur Sirih*), Bad Latif (*Belalang*), Ahmad Nisfu (*Sultan Shahrul Nizam ibni Almarhum Sultan Malik Shah*), Shariff Dol (*Sultan Masai*) dan Udo Omar (*Nujum Masai*). Seterusnya, pelakon yang membawa watak penyamun (*Aziz Sattar* dan *S.Shamsuddin*).

Filem ini mengisahkan seorang lelaki bernama Pak Belalang yang hidup dalam kemiskinan bersama anaknya Belalang. Namun begitu, Pak Belalang memiliki perangai buruk iaitu tidur setiap hari dan tidak menghiraukan kehidupannya. Belalang pula seorang anak yang pintar dan rajin memikul tanggungjawab menyara bapanya. Oleh kerana Belalang seorang kanak-kanak pintar, dia mencadangkan ayahnya menyamar sebagai seorang nujum sehingga berjaya membawa penghulu dan pemilik binatang tersebut datang ke rumahnya dan memulangkan ternakan mereka. Pada suatu hari, harta perbendaharaan kerajaan Beringin Rendang telah disamun. Sultan Syahrul Nizam menitahkan rakyat jelata mencarinya dengan imbuhan lumayan. Penghulu kampung membawa Pak Belalang untuk membantu sultan.

Pak Belalang menemui Sultan Syahrul Nizam dan dengan bangganya mengatakan beliau tidak melarikan diri sebaliknya mengakui bahawa dia seorang nujum yang jujur. Beliau ditabalkan sebagai Ahli Nujum Negara dan kehidupan keluarganya berubah. Walaupun kehidupannya berubah secara mendadak, beliau seorang yang pemurah. Ketika itu, detik percintaannya dengan Puteri Si Bujur Sireh mula berputik. Kemasyahuran Pak Belalang sebagai ahli nujum tersohor diketahui oleh Sultan Masai sehingga menyebabkan baginda datang ke Negara Beringin Rendang untuk bertanding dengan ahli nujumnya. Pak Belalang berdepan dengan cabaran besar kerana Sultan Syahrul Nizam memaksanya untuk berlawan pertaruhkan negeri. Sultan Masai memberikan empat soalan untuk dijawab dengan pertaruhkan negara masing-masing.

Sultan Masai tidak sabar untuk mengetahui jawapan dari Tok Nujum Masai. Baginda beralasan kerana pertaruhan ini bukannya kecil tetapi telah mempertaruhkan negara. Tindakan Sultan Masai menyebabkan Belalang memperoleh jawapan soalan tersebut kerana terperangkap dalam perut perahu kerana ketika itu Tok Nujum Masai membuka rahsia kepada sultannya. Baginda memaksa Nujum Pak Belalang meneka sesuatu di dalam genggamannya. Secara tidak sengaja, Pak Belalang menyeru nama anaknya Belalang dengan suara kebimbangan. Nujum Pak Belalang meneka tepat kerana dalam genggamannya Sultan Masai ialah seekor Belalang. Pertandingan tersebut akhirnya menyebelahi Negara Beringin Rendang. Papan markah menunjukkan 4 tambah 1. Rakyat Beringin Rendang bersorakan kegembiraan. Namun, Sultan Masai bangun untuk memprotes kemenangan tersebut. Akhirnya, Sultan Masai pula pulang ke bahteranya dengan kekecewaan.

KONSEP AKAL BUDI DAN KEARIFAN TEMPATAN

Teka-teki Nujum Pak Belalang menjadi inti pati cerita, apabila pihak lawan Nujum Pak Belalang yang berjaya menyelesaikan teka-teki. Dialog-dialog teka-teki menggambarkan pertarungan yang memperlihatkan bahawa teka-teki bukanlah sekadar hiburan ringan sebaliknya turut berfungsi sebagai akal budi dan kearifan tempatan yang dalam menjelaskan nilai dan fungsi yang terdapat dalam teka-teki Nujum Pak Belalang. Sepanjang berbalas-balas dialog teka-teki antara Nujum Pak Belalang dan nujum dari kerajaan Masai, masing-masing berusaha menjawab soalan demi mempertahankan maruah serta kelangsungan kedua-dua kerajaan.

Akal dan fikiran manusia adalah hasil janaan otak, sedangkan otak pula adalah bersifat biologi seperti juga anggota-anggota badan yang lain (Aminudin, 2015). Pengkaji melihat akal dan fikiran memainkan peranan penting ke arah membentuk perangai dan akhlak yang mulia seseorang manusia. Bentuk-bentuk ucapan lisan seperti pantun, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah-petitih, seloka, gurindam, sajak dan seumpamanya (yang kemudian dirakamkan dalam bentuk tulisan menampakkan ciri-ciri akal budi dan kebijaksanaan orang Melayu menangani segala gelagat penghidupan yang terhasil daripada pengintelektualan orang Melayu (Hassan, 2016). Akal budi mempunyai kaitan dengan bahasa, perangai dan akhlak, hati dan jiwa malah bicara. Bicara ada kaitannya dengan bercakap atau berkata-kata, begitu juga dengan berbicara mempunyai kaitan dengan mengemukakan pendapat atau fikiran. Bicara juga ada kaitan dengan hati, fikiran, muslihat, daya dan bahasa.

Pancaran budi mempunyai kaitan dengan hati, jiwa, bahasa yang akan memperlihatkan perangai dan akhlak yang baik atau sebaliknya. Konsep ini dibina daripada bacaan *Sulalatus al-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, *Hikayat Isma Yatim*, *Hikayat Hang Tuah*, *Tajus Salatin* dan *Bustanus Salatin*. Bertolak daripada konsep merujuk daripada pandangan Islam berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah terpancarlah akal budi dan budaya Melayu yang menyentuh pekerti, keperibadian serta akhlak terpuji. Al-Quran mengasuh, mengasah dan membawa dimensi baru yang lebih luas untuk akal berfikir. Al-Quran memandu gaya dan jalan berfikir manusia ke arah kebaikan. Konsep akal budi bermaksud manusia diberikan akal oleh Tuhan untuk berfikir. Daripada akallah akan terbentuk budi, fikiran, daya upaya dan juga ikhtiar. Akal juga adalah daya kefahaman manusia untuk mengetahui hakikat semua benda. Daripada akal juga terbentuk bahasa dan bicara yang dituturkan. Al-Quran tidak bertentangan dengan akal. Ini jelas kerana Al-Quran dan akal, penciptanya sama iaitu Allah SWT.

Dalam konteks kajian ini, konsep akal budi yang diteliti oleh (Nor Hashimah, 2014) merupakan ungkapan yang sering digunakan oleh sarjana dalam penulisan mereka untuk dianalisis dalam teka-teki filem *Nujum Pak Belalang*. Konsep akal dan budi terjelma daripada kearifan masyarakat Melayu berfikir sesuai dengan ungkapan-ungkapan yang terkandung dalam teka-teki Nujum Pak Belalang. Sementara itu, perkataan 'budi' pula datangnya daripada keikhlasan hati yang murni. Dalam erti kata yang lain, teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* dapat dianalisis melalui pemaknaan setiap teka-teki sebagai buah fikiran yang menimbulkan kemusykilan kepada orang yang bertanya dan mendengar. Teka-teki Nujum Pak Belalang jika diberikan kepada orang biasa atau yang tidak menonton filem Nujum Pak Belalang pasti akan merasakan teka-teki ini sukar untuk dijawab kerana soalan dan jawapan tidak masuk akal serta relevan. Oleh itu, konsep akal budi akan diteliti melalui soalan teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* yang pertama iaitu akal budi kepimpinan dan keempat akal budi perlambangan.

Kearifan tempatan adalah usaha manusia dengan menggunakan akal budinya (kognitif) untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu. Menurut Norhayati (2015) kearifan itu sendiri bermaksud kemampuan seseorang atau sesuatu kelompok dalam menggunakan akal fikirannya untuk bertindak atau bersikap sebagai reaksi terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi. Kearifan itu sendiri bermaksud kemampuan seseorang atau sesuatu kelompok dalam menggunakan akal fikirannya untuk bertindak atau bersikap sebagai reaksi terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, konsep adat memancarkan hubungan yang lebih mendalam, bermakna antara sesama manusia dan dengan alam sekitarnya, termasuk alam tabii, alam sosial dan alam ghaib. Setiap perhubungan itu, diucapkan sebagai adat diberi bentuk tegas dan khusus melalui sikap, perbuatan dan acara. Konsep adat istiadat pula merujuk kepada seluruh upacara dan kaedah yang digunakan dalam kitaran kehidupan manusia dan sebagai upacara pengukuhan yang dipilih untuk memimpin adat Norhayati (2015). Selain berupa adat dan adat istiadat, kearifan tempatan juga merujuk kepada institusi, kata-kata bijaksana dan pepatah pepitih. Sebagai produk masyarakat, kearifan tempatan lahir kerana keperluan terhadap nilai, norma dan aturan yang menjadi panduan untuk melakukan sesuatu tindakan. Ia merupakan satu sumber pengetahuan (kebudayaan) masyarakat yang terdapat dalam tradisi dan sejarah, pendidikan formal dan tidak formal, seni, agama dan manifestasi kreatif yang lain. Dalam pemahaman lain, kearifan tempatan dapat juga ditanggapi sebagai usaha manusia dengan menggunakan akal budinya (kognitif) untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu bagi memenuhi keperluan hidup dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian menunjukkan nilai akal budi terhadap sebuah teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* sebaliknya empat buah teka-teki dianalisis berdasarkan konsep kearifan tempatan. Kajian ini mengetengahkan konsep akal budi dan kearifan tempatan berdasarkan lima buah teka-teki dalam filem *Nujum Pak Belalang*. Setiap teka-teki menuntut jawapan yang berasaskan logik dan ini merupakan ujian kepintaran akal (wit) yang cekap dan bernas. Oleh yang demikian, pemaknaan terhadap kelima-lima teka-teki dalam filem *Nujum Pak Belalang* membicarakan konsep akal budi dan kearifan tempatan.

Menurut Janathan & Low (2016), *Pak Belalang* membuktikan teka-teki merupakan satu daripada genre sastera rakyat yang awal dan penting dalam kehidupan orang Melayu. Sebagai golongan atasan Melayu yang berpengaruh penuturan teka-teki dalam kalangan sultan dan pembesar istana sudah tentu menarik ramai pendengar teka-teki dalam kalangan rakyat pada zaman dahulu. Bentuk lima rangkap teka-teki *Nujum Pak Belalang* dikategorikan sebagai teka-teki jenis masalah atau *problem-type riddle*. Menurut Inon Shahrudin (1988) teka-teki bentuk ini serupa dengan teka-teki yang dihadapkan kepada *Pak Belalang* dalam cerita jenaka. Teka-teki bentuk ini amat menarik kerana dapat membenarkan penutur dan peneka mengasah fikiran dan imaginasi masing-masing.

SOALAN 1: AKAL BUDI KEPIMPINAN MASYARAKAT MELAYU MELALUI TEKA-TEKI NUJUM PAK BELALANG ‘YANG MANA HUJUNG YANG MANA PANGKAL’

Perhitungan pertama, di hadapan sultan dan kalangan pembesar, Nujum Pak Belalang harus meneka yang mana hujung yang mana pangkal. Wajah keyakinan Nujum Pak Belalang cukup tenang kerana dengan secara kebetulan, anak Nujum Pak Belalang, Belalang telah terdengar semua jawapan daripada Nujum Masai kepada Sultan Masai semasa cubaan Belalang dan Nujum Pak Belalang hendak melarikan diri. Semasa babak berteka-teki menjawab soalan yang pertama, Tok Nujum Masai terus sahaja menyoal teka-teki pertama ‘yang mana pangkal yang mana hujung’? Berdasarkan soalan teka-teki yang pertama:

JADUAL 1. Soalan teka-teki yang mana hujung yang mana pangkal

Watak	Dialog
Ahli Nujum Masai	Soalan Teka-teki No. 1 Wahai Ahli Nujum di negara Beringin Rendang. Di dalam tangan hamba, ada sebatang kayu. Nah sekarang, tolong tunjukkan yang mana hujung, yang mana pangkalnya?
Pak Belalang	Minta pada hamba... Terima kasih Ahli Nujum. Silakan Ahli Nujum... [Ahli Nujum Negara Beringin Rendang memasukkan kayu ke dalam air]
Pak Belalang	Aaa... jikalau Ahli Nujum mahu mengetahui yang mana hujung dan yang mana pangkal, yang timbul itulah hujung dan yang tenggelam itulah pangkal. Sebabnya? Sebabnya, tiap-tiap yang hujung adalah lebih ringan daripada yang pangkal. Itulah jawabannya baginda Sultan Shahrul Nizam.

Sumber: Abdul Rahman (2006)

Jadual 1 ialah babak antara Nujum Pak Belalang dan Nujum Masai. Nujum Masai mengemukakan soalan. Nujum Pak Belalang menyelesaikan teka-teki iaitu menentukan hujung dan pangkal kayu-kayu. Lalu, Nujum Pak Belalang menyelesaikan jawapan dengan menimbang dan melepaskan sebatang itu ke dalam air. Pak Belalang dengan nada berasa bangga menunjukkan kepintarannya menjelaskan maksud perbuatannya itu menjelaskan bahawa yang cepat tenggelam ialah pangkal manakala yang kemudian ialah hujung. Kedudukan kayu itu dibiarkan tenggelam berdasarkan Rajah 1, Nujum Pak Belalang meletakkan kedudukan kayu di dalam sebuah bekas air:



RAJAH 1. Teka-teki mana satu pangkal dan hujung
Sumber: Filem *Nujum Pak Belalang* (1959)

Nujum Masai berasa terkejut dengan jawapan yang tepat daripada Nujum Pak Belalang kerana berjaya menentukan antara yang mana pangkal dan yang mana hujung. Nujum Masai menganggap bahawa soalan itu amat sukar, namun berjaya dijawab dengan amat tepat. Berdasarkan teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* (Jadual 1) cara menyelesaikan jawapan teka-teki adalah sama seperti dalam Mohd. Taib (2024).

Titah baginda “Apa yang dahulu tenggelamnya itu?” Maka sembah Ahlun-nujum Belalang, “Ampun tuanku, beribu-ribu ampun! Yang dahulu tenggelam itu pangkalnya dan hujungnya itu kemudiannya tenggelam kerana ringan dan pangkal itu berat.”

(Mohd. Taib, 2024: 99)

Lalu dengan cara yang sama pula Nujum Pak Belalang menyelesaikannya dengan menimbang dan melepaskan kayu-kayu itu ke dalam air: yang cepat tenggelam; pangkal; yang kemudian, hujung. Daya cipta soalan satu teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* berasaskan pemerhatian pencipta teka-teki terhadap sifat fizikal alam. Apabila sebatang kayu dimasukkan ke dalam air, bahagian yang lebih ringan akan timbul (hujung), manakala bahagian yang lebih berat akan tenggelam (pangkal). Hal ini menunjukkan bahawa jawapan teka-teki tidak datang daripada ilmu ghaib, tetapi daripada logik dan pengalaman. Menurut Harun (1989), mendapati teka-teki Melayu secara umum memanfaatkan keseluruhan objek dan fenomena alam sebagai subjek utama iaitu benda-benda seperti kayu, air, besi dan api yang banyak menumpukan kepada objek yang dekat dengan cara masyarakat Melayu seharian. Penggunaan dan kedudukan kayu teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* menjelaskan bahawa *yang tenggelam itulah pangkal* dan *yang timbul itulah hujung* menginterpretasikan makna sebenar yang hendak disampaikan melalui teka-teki dari sudut falsafah memerlukan pemahaman yang dapat mendasari akal budi Melayu. Menurut Nor Hashimah (2014) akal budi bermaksud bukan sahaja mempunyai akal secara lahiriah tetapi menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa dan bijak mengungkapkan makna. Dalam konteks melontarkan teka-teki dan berinteraksi dengannya, penggunaan unsur akal yang diertikan sebagai fikiran dan penggunaan unsur budi yang dapat dijelaskan sebagai kebijaksanaan dapat dirasakan berlaku secara spontan dengan kebijaksanaan yang mengungkap makna di sebalik kata-kata berisyarat.

Kayu dan air ialah dua unsur penting dalam kosmologi Melayu tradisional. Ungkapan kayu dalam konsep akal budi secara lahiriah melambangkan tubuh atau asas kehidupan, manakala air melambangkan ilmu, ujian dan perjalanan hidup. Maka, tindakan “memasukkan kayu ke dalam air” menjadi lambang pencarian makna melalui ujian dan pengalaman. Bahagian yang timbul (hujung) melambangkan hasil, kejayaan, dan kebijaksanaan, manakala bahagian yang tenggelam (pangkal) melambangkan asas, kekuatan dan akar asal diri. Simbolik pertarungan watak Pak Belalang mewakili golongan manusia yang menduduki kelas bawahan dilantik menjadi nujum. Tok Nujum Masai merupakan golongan pembesar istana yang dilantik kerana kebijaksanaan dan kepandaian berkata-kata. Kedudukan kayu di hujung adalah lebih ringan membawa analogi kedudukan rakyat yang sentiasa dilindungi sehingga setiap keputusan pemimpin tidak membebani rakyat. Sebaliknya, kedudukan pangkal di bawah adalah lebih berat kerana tanggungjawab seorang raja dan para pembesar harus dipikul bagi melindungi rakyat di dalam sesebuah kerajaan.

SOALAN 2: KEARIFAN PERKONGSIAN HIDUP BERMASYARAKAT DALAM TEKA-TEKI NUJUM PAK BELALANG ‘ITIK YANG MANA JANTAN DAN BETINA’

Kearifan perkongsian hidup bermasyarakat berdasarkan soalan kedua teka-teki ini memperlihatkan kaedah masyarakat dahulu memanfaatkan kebijaksanaan pemikiran dalam usaha mencari penyelesaian melalui proses berperingkat, teratur dan tersusun untuk mendapatkan kesempurnaan. Ciri-ciri keintelektuan dapat dilihat pada proses berfikir, kreatif berfikir, kerasional idea dan melalui hujah-hujah yang dapat pula dipertanggungjawabkan alasannya dalam menyelesaikan masalah (Norhayati, 2015). Apabila Nujum Pak Belalang menyelesaikan teka-teki dalam lagak aksi spontan Nujum Pak Belalang menunjukkan kebolehan berfikir secara bijaksana dalam memberikan jawapan. Setiap kata dihafal begitu baik walaupun jawapan teka-teki telah tahu lebih awal daripada anaknya Belalang. Nujum Pak Belalang perlu menentukan jantan dan betina daripada dua ekor anak itik yang baru menetas seperti yang berikut:

JADUAL 2. Soalan teka-teki yang mana jantan dan yang mana betina

Watak	Dialog
Ahli Nujum Masai	Soalan Tekateki No. 2 Ini dia dua ekor anak itik yang baru menetas. Seekor jantan, seekor betina. Kalau nujum bijak laksana, cuba teka, yang mana jantan yang mana betina? Ini senang sahaja. Haa...
Pak Belalang	[Ahli Nujum Negara Beringin Rendang melepaskan dua ekor anak itik tersebut bermain di atas air]
Raja Masai	Jikalau Ahli Nujum mahu mengetahui yang mana jantan, yang mana betina, yang belakang itulah jantan dan yang depan itulah betina.
Ahli Nujum Masai	Sebabnya?
Pak Belalang	Sudah menjadi lumrah dunia. Baiklah ahli nujum,

Ahli Nujum Masai
Pak Belalang
Ahli Nujum Masai
Pak Belalang

kalau si jantan
berjumpa dengan si betina
apa dibuatnya?
Dikejanya la...
Siapa yang mengejar?
Jantan...
Kalau begitu,
yang belakang itulah
itik jantan.
Adoi, mati aku...

Ahli Nujum Masai

Sumber: Abdul Rahman (2006)

Berdasarkan Jadual 2, Nujum Pak Belalang harus meneka jantan dan betina daripada sekumpulan anak-anak itik yang baru menetas. Tok Nujum Masai menyediakan dua ekor anak itik di dalam bakul. Semasa menjawab, Pak Belalang mengambil dua ekor itik lalu meletakkannya di atas permukaan air. Kedua-dua anak itu lalu berenang di atas permukaan air seperti Rajah 2 yang berikut:



RAJAH 2. Teka-teki yang mana jantan dan yang mana betina
Sumber: Filem *Nujum Pak Belalang* (1959)

Dalam babak ini, melalui helah dan kebetulan, Nujum Pak Belalang berjaya menyelesaikan masalah itu dengan melepaskan anak-anak itik itu ke air, yang lebih dulu menyelam seharusnya jantan, yang kemudian, betina. Kelihatan itik berenang di dalam satu barisan. Nujum Pak Belalang menjawab, berdasarkan pergerakan itik, bahawa itik jantan biasanya mendahului kumpulannya ketika berenang, berperanan sebagai pelindung kepada betina. Nujum Pak Belalang berjaya menyelesaikan masalah itu dengan melepaskan anak-anak itik itu ke air, yang lebih dulu menyelam seharusnya jantan yang kemudian ialah betina.

Berdasarkan teks asal *Cerita Jenaka Melayu - Pak Belalang*:

Maka Pak Belalang pun bangun, seraya menyembah melepaskan anak itu. Maka apabila dilepaskan pula seekor lagi; lambat menyelam. Titah baginda, “Lambat menyelam itu.” Sembah Pak Belalang, “Yang lambat menyelam itu jantan, tuanku.”

(Mohd. Taib, 2024)

Berdasarkan *Cerita Jenaka Melayu - Pak Belalang*, Inon Shahrudin (1988) mengkategorikan soalan teka-teki Yang Mana Jantan dan Yang Mana Betina sebagai Teka-teki Jenis Masalah atau *Problem-Type Riddle*. Teka-teki ini berbeza dengan bentuk-bentuk yang lain kerana sekadar meminta reaksi tekaan dari penjawabnya tetapi meminta jawapan yang dapat menyelesaikan masalah yang dikemukakan itu. Pemakaian lambang (Lokman, Asmiaty & Ramzah 2021) terhadap pemerhatian tingkah laku itik seperti yang berikut:

Mekanisme: Pemerhatian tingkah laku (yang mengejar = jantan) → inferens logik → penentuan identiti
“belakang = jantan”

(Inon Shahrudin, 1988)

Penilaian melalui pemerhatian pergerakan anak-anak itik dapat digunakan sebagai kebiasaan sosial atau biologi untuk membuat generalisasi moral atau rasional yang menunjukkan akal praktikal dan penggunaan konteks untuk menilai tanda. Seterusnya, teka-teki itik mendidik tentang nilai murni dan pemahaman terhadap tabiat haiwan. Ini sejajar dengan pandangan dunia masyarakat Melayu tradisional yang menekankan keharmonian dan pembahagian peranan antara lelaki dan perempuan.

Kearifan perkongsian hidup masyarakat tradisional melalui aktiviti pertanian yang menyara kehidupan dalam citra haiwan ternakan dalam kegiatan menternak haiwan untuk dimakan mahupun dijual sebagai salah satu sumber rezeki (Eizah, 2018). Citra dunia luas yang dipadatkan dalam haiwan ternakan itik seperti dalam peribahasa ‘itik pulang petang’ dan nyanyian kanak-kanak ‘Anak Itik Tok Wi’ mempunyai maksud tersirat dan tersurat sebagai simbol haiwan ternakan yang terpancar kebijaksanaan masyarakat Melayu hasil daripada pemerhatian dan penelitian terhadap kehidupan semasa (Eizah, 2018). Justeru, teka-teki Nujum Pak Belalang wajar dihargai sebagai sebahagian daripada khazanah sastera rakyat yang menyimpan nilai kearifan tempatan. Perihal itik merupakan pendidikan tidak formal melalui teka-teki. Proses ini mengasah daya fikir, kreativiti, dan ketajaman logik tanpa menggunakan pengajaran formal di sekolah. Menurut Matlob (1964), apabila berhadapan dengan pertanyaan itu, kanak-kanak belajar cara untuk membezakan jantina haiwan melalui teka-teki untuk berfikir dengan tanggapan dan fantasi masing-masing.

**SOALAN 3: KEARIFAN SASTERA RAKYAT UNSUR KESAN POSITIF HUMOR DAN KEARIFAN SOSIAL
DALAM TEKA-TEKI NUJUM PAK BELALANG ‘SATU BANYAK, DUA SEDIKIT,
TIGA JARANG-JARANG DAN EMPAT KADANG-KADANG’.**

Pak Belalang dalam cerita jenaka menjadi lambang bagi perwatakan orang Melayu yang ada pada masa tertentu bersifat pintar, cerdik, pandai dan bernasib baik tetapi sentiasa menimbulkan kelucuan (Datu Mohd. Mazudah & Low, 2017). Kearifan sastera rakyat Filem *Nujum Pak Belalang* ialah sebuah cerita jenaka sememangnya diminati kerana sifat wataknya yang lucu menghiburkan hati yang dapat ditonton oleh masyarakat dan bukan lagi disampaikan secara lisan. Teka-teki filem Nujum Pak Belalang “Satu banyak, dua sedikit, tiga jarang-jarang dan empat kadang-kadang”, tidak terdapat dalam *Cerita Jenaka Melayu - Pak Belalang*. Namun, teka-teki ini tampil dalam filem Nujum Pak Belalang sebagai unsur kesan positif humor berkaitan keperihalan perkahwinan (Jadual 3):

JADUAL 3. Soalan teka-teki banyak-banyak, sikit-sikit, jarang-jarang, kadang-kadang

Watak	Dialog
Ahli Nujum Masai	Soalan Tekateki No. 3 Baiklah Tuanku, ada sebuah masalah, satu banyak-banyak, dua sikit-sikit, tiga jarang-jarang, empat kadang-kadang, apa itu?
Pak Belalang	Kahwin.
Ahli Nujum Masai	Kahwin? Buktikan.
Pak Belalang	Satu, banyak... artinya, orang yang kahwin satu memang banyak di dalam dunia ini. Dua, sedikit-sedikit, artinya, orang yang kahwin dua, sedikit bilangannya daripada orang yang kahwin satu. Tiga, jarang-jarang, artinya, orang yang kahwin tiga, jarang-jarang yang kita dengar. Empat, kadang-kadang, artinya orang yang kahwin empat kadang-kadang baru kita mendengar sekali. Itulah jawapannya Tuanku.

Sumber: Abdul Rahman (2006)

Kearifan tempatan dapat difahami sebagai kearifan sastera rakyat dari unsur kesan positif humor dan kearifan sosial. Apabila kedatangan Islam di Tanah Melayu, hampir keseluruhan sistem dan susunan adat Melayu telah dipengaruhi oleh Islam. Namun, teka-teki perihal perkahwinan membicarakan persoalan perkahwinan yang dibenarkan dalam Islam. Unsur-unsur kebudayaan Islam dibicarakan dalam teks *Sulalatus Salatin* perwujudan jawatan kadi yang hanya berkuasa dalam urusan perkahwinan Islam (Aisyah Fadzil, 2024). Isu kahwin ditimbulkan dalam teka-teki ketiga dalam filem tersebut menggambarkan bahawa masyarakat Melayu lebih cenderung kepada monogami walaupun agama Islam membenarkan poligami. Soalan yang bernada jenaka diperhalusi tanpa bertujuan untuk mengenakan seseorang maka timbullah teka-teki filem Nujum Pak Belalang membawa maksud melalui jawapan teka-teki kepada soalan “satu banyak, dua sedikit, tiga jarang-jarang, empat kadang-kadang” yang telah ditafsirkan oleh watak Nujum Pak Belalang kepada Tok Nujum Masai seperti berikut:

1. Satu banyak-banyak bermaksud kebanyakan lelaki hanya mempunyai seorang isteri, maka situasi ini dianggap paling biasa.
2. Dua sikit-sikit adalah tidak ramai lelaki yang beristeri dua, maka jumlahnya lebih kecil.
3. Tiga jarang-jarang pula lelaki yang beristeri tiga dianggap jarang berlaku dalam masyarakat. Akhir sekali,
4. Empat kadang-kadang ialah lelaki yang beristeri empat pula sangat sedikit, dan hanya berlaku pada keadaan tertentu.

Dasar hukum yang membolehkan berpoligami telah dijelaskan melalui ayat Al-Quran:

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripereempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.
(An-Nisaa' 4: 3-4)

Berdasarkan kepada ayat tersebut, Islam tidak mewajibkan berpoligami, tetapi menjadikannya sebagai harus. Susunan angka dalam teka-teki tersebut berfungsi sebagai kiasan kepada fenomena sosial dalam masyarakat Melayu tradisional menimbulkan kearifan unsur humor. Cara aksi watak Nujum Pak Belalang yang menghenjut badan mengikut bilangan, pergerakan tangan, mimik muka dan pergerakan dilakukan dengan penuh sindiran tambahan pula Tok Nujum Masai berpakaian seperti seorang kadi nikah kahwin.

Kearifan sastra rakyat unsur kesan positif humor dan kearifan sosial dalam teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* 'Satu banyak, dua sedikit, tiga jarang-jarang dan empat kadang-kadang' di dalam filem *Nujum Pak Belalang* sebagai penambahan kepada durasi babak teka-teki. Soalan yang panjang tetapi jawapan yang mudah 'kahwin' membuktikan kepengarangan P. Ramlee mengolah teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* dengan teliti bagi menyindir masyarakat Melayu berkaitan perkahwinan melalui filem. Manakala kearifan tempatan teka-teki 'kahwin' mencerminkan realiti masyarakat Melayu tradisional yang mengenali konsep poligami. P.Ramlee melalui daya kreativiti meletakkan nilai humor dan sindiran dalam teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* terhadap golongan istana yang beristeri dan berkahwin dengan empat orang isteri. Setiap makna dalam teka-teki "satu banyak, dua sedikit, tiga jarang-jarang, empat kadang-kadang" membawa sekali pemahaman kita kepada falsafah dan sekaligus membantu kita meneroka kearifan pencipta teka-teki.

SOALAN 4: AKAL BUDI PERLAMBAHAN HURUF TA (ت) DI MANA KEKUATAN LAKSAMANA HANG TUAH DALAM TEKA-TEKI NUJUM PAK BELALANG

Teka-teki yang keempat merupakan soalan yang tidak ada dalam naskah cerita jenaka *Cerita Pak Belalang*. P. Ramlee sebagai penulis skrip menambah teka-teki ini yang mempersonakan kehebatan beliau mengangkat kewibawaan kepahlawanan Hang Tuah dan pemartabatan huruf jawi dalam bahasa Melayu. Soalan teka-teki *di mana terletaknya kekuatan Datuk Laksamana Hang Tuah* yang memberi jawapan kepada huruf TA (ت) mengaitkan akal budi perlambangan dalam konteks semantik inkuistif yang dapat menerobosi satu tahap tinggi dan mendalam hingga ke peringkat akal budi Nor Hashimah (2014). Berikut ialah teka-teki Nujum Pak Belalang yang keempat:

JADUAL 4. Soalan teka-teki di mana kekuatan Laksamana Hang Tuah

Watak	Dialog
Ahli Nujum Masai	Soalan TeKa-teki No. 4 Di mana terletaknya kekuatan Datuk Laksamana Hang Tuah? Di kerisnya ka? Di tenaga ka?
Pak Belalang	Kekuatan Datuk Laksamana Hang Tuah, bukanlah terletak di kerisnya ataupun di tenaganya.
Ahli Nujum Masai	Di mana terletaknya?

Pak Belalang	Kekuatan Datuk Laksamana Hang Tuah adalah terletak di atas huruf TA nya?
Ahli Nujum Masai	Huruf TA?
Pak Belalang	Benar.
Ahli Nujum Masai	Buktikan.
Pak Belalang	Oleh sebabkan huruf TA la yang menguatkan ejaan TUAH, TA WAU ALIF HA, TUAH. Cuba huruf TA digantikan dengan huruf BA. BUAH. Datuk kenal pada Hang Buah? Tak kenal. (Pengsan)
Ahli Nujum Masai	

Sumber: Abdul Rahman (2006)

Soalan teka-teki *Di mana Kekuatan Laksamana Hang Tuah* telah dikelirukan oleh Tok Nujum Masai dengan pembayang pada keris atau tenaga sebagai kekuatan Datuk Laksamana Hang Tuah. Jawapan teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* ialah TA (ت) sebagai maksud bentuk gurauan linguistik yang dapat menukar satu fonem atau aksara mengubah makna nama dan identiti tetapi secara lebih mendalam yang memaparkan unsur semantik inkuistik Melayu tradisional yang menggunakan bahasa untuk menyampaikan nilai, identiti dan sindiran. Ulasan ini menganalisis teka-teki tersebut secara semantik inkuistik. TA (ت) sebagai tanda bagi penanda makna Tuah. Indeks membawa makna Tuah yang dirujuk dalam kamus adalah untung yang berlebihan dan bahagia (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2010). Namun, indeks di sini memberi makna kepada Hang Tuah sebagai seorang tokoh epik dan watak legenda. Hang Tuah ialah seorang pahlawan sangat bersesuaian dengan konsep dan sistem nilai masyarakat Melayu, dalam konteks budaya Hang Tuah mempunyai sikap taat setia dan cukup unggul dan tidak berbelah bahagi yang ditunjuk oleh Hang Tuah kepada rajanya, Raja Melaka (Harun 2003). Kearifan tempatan dalam konteks budaya dan sastera Datuk Laksamana Hang Tuah ialah watak yang memiliki sifat-sifat istimewa Hang Tuah yang telah melayakkannya mendapat gelaran wira bangsa Melayu seperti *Hikayat Hang Tuah* (Abu Bakar 2024). Nama dan gelaran tokoh ini diidentifikasikan mempunyai sifat keberanian, kesetiaan dan ketaatan serta bijaksana sebagai pahlawan ulung Melayu (Nor Hashimah, 2013).

Berdasarkan permainan fonem/ortagrafik, permainan fonem/ortografik: TA (ت) + WAU + ALIF + HA → TUAH memberi makna terhadap pengetahuan pencipta yang mempunyai bahasa Arab. Secara umum bahasa Arab, yang masuk ke dalam bahasa Melayu dapat digolongkan kepada dua bahagian, iaitu kata istilah yang berhubungan dengan masalah keagamaan dan kedua yang bukan berhubungan dengan istilah keagamaan. Kata Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu telah mengalami asimilasi dan adaptasi baik secara fonemis mahupun secara morfemis. Sehingga kata-kata yang mengalami proses ini dirasakan lebih Arab dalam bahasa Melayu (Mohd. Husnan Lubis 2004). Seterusnya, apabila makna yang ditimbulkannya salah, maka akan salah pengertian dan persepsi pemahamannya seperti dalam teka-teki filem *Nujum Pak Belalang*, huruf jawi menggantikan TA (ت) dengan BA (ب) menghasilkan 'BUAH' → kehilangan nama. TUAH (sebagai nama) merujuk pada Datuk Laksamana Hang Tuah yang berfungsi sebagai penentu identiti. BUAH ialah kata nama yang membawa makna objek (buah), bukan nama seorang tokoh.

SOALAN 5: KEARIFAN TEMPATAN UNSUR KEJENAKAAN TEKA-TEKI FILEM NUJUM PAK
 BELALANG MENEKA ‘BELALANG’ PADA GENGAMAN RAJA MASAI

Pada babak akhir, muncul soalan kelima kerana Raja Masai tidak menyerah kalah kepada kerajaan Beringin Rendang sebaliknya Raja Masai mengambil sesuatu di dalam poket lalu meminta Nujum Pak Belalang meneka apakah benda dalam gengaman tangan baginda Raja Masai lalu meminta Nujum Pak Belalang menjawab soalan terakhir teka-teki:

JADUAL 5. Soalan teka-teki meneka belalang

Watak	Dialog
Raja Masai	Soalan Teka-teki No. 5 Beta tak puas hati, Beta mempertaruhkan negara, Cuba teka, apa di dalam gengaman beta?
Pak Belalang	Belalang... aku dah kata. Belalang.. Belalang.. (Terduduk).
Raja Masai	Ha...! Mengapa?
Sultan Syahrul Nizam	
Raja Masai	Betul, Belalang.

Sumber: Abdul Rahman (2006)

Dalam naskah *Cerita Jenaka Melayu - Pak Belalang*, Mohd. Taib (2024) menyatakan Pak Belalang dapat menghuraikan teka-teki kerana inisiatifnya, mengintip rahsia jawapan teka-teki itu. Sehingga namanya terkena apabila dia menghadapi cabaran raja mengujinya dengan bertanya apakah benda dalam gengaman baginda. Nasib menyebelahi Pak Belalang. Keluhannya dengan menyeru nama anaknya si Belalang yang mencerminkan rasa putus asanya untuk menjawab soalan rajanya rupa-rupanya itulah yang menyelamatkan tengkuknya.

Wajah gemetar Nujum Pak Belalang semasa di dalam filem berasa tidak berpuas hati dengan keputusan itu. Pak Belalang sangat takut kerana bimbang rahsia Pak Belalang terbongkar. Tiba-tiba, Pak Belalang menyeru nama Belalang berulang kali sambil menyembunyikan ketakutan yang mencerminkan rasa putus asanya untuk menjawab soalan Raja Masai. Namun, tindakan Pak Belalang rupa-rupanya yang sebenar telah memberi jawapan yang tepat. Raja Masai berasa terkejut sehingga pengsan. Manakala Sultan Syahrul Nizam mendekati Raja Masai melihat di tapak tangan Raja Masai ada seekor belalang. Sultan Syahrul Nizam berasa gembira sambil menyebut ‘betul belalang’! (Rajah 3).

Kearifan tempatan unsur kejenaan teka-teki ‘Belalang’ yang menyerlahkan watak Pak Belalang yang bernasib baik dilantik sebagai Nujum Pak Belalang. Menurut Mohd. Taib (2007), watak Pak Belalang yang mengandungi unsur kejenaan dengan perwatakan pintar lagi bernasib baik dan berlagak sebagai ahli nujum adalah *Tale Type* yang memang tersebar luas di Asia dan di Eropah, iaitu *Tale Type 1641*, “*Doctor know all*”. Keseluruhan dalam cerita Pak Belalang, watak Belalang yang diterjemahkan oleh Winstedt dengan nama *Daddy Longs-legs* kerana Belalang mempunyai kaki panjang, memang diberikan julukan nama binatang dalam kebanyakan *variant* (seperti ketam, tikus atau cengkerik) (Mohd. Taib 2007). Pak Belalang juga merupakan, manusia biasa yang “hina dina” tetapi perbezaannya ialah “Pak Belalang” menghadapi dorongan masyarakat yang seharusnya lebih pintar menipu pada mereka.



RAJAH 3. Soalan teka-teki meneka belalang
Sumber: Filem Nujum Pak Belalang (1959)

Pertandingan teka-teki Nujum Pak Belalang dan Nujum Masai sebenarnya menunjukkan kehandalan Pak Belalang sebagai ahli nujum. Walaupun khalayak tahu bagaimana Pak Belalang dapat memecahkan masalah dengan tipu muslihat, di samping daya usaha sendiri mengingat teka-teki yang disampaikan oleh Belalang anaknya dan nasib yang menyebelahnya pada soalan kelima teka-teki.

KESIMPULAN

Dalam dunia teka-teki Melayu, kearifan tempatan merupakan medium atau wacana yang sarat dengan kepandaian dan keilmuan masyarakat Melayu tempatan. Teka-teki disusun dan dikarang untuk menduga akal. Teka-teki berfungsi sebagai mekanisme yang menuntut pemikiran kritis dalam mencari jawapan. Fungsi teka-teki menguji serta mengasah dan menajamkan akal fikiran insan dengan pelbagai persoalan berkaitan keilmuan, pengetahuan dan kebudayaan tempatan. Kearifan tempatan teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* diteliti melalui empat buah teka-teki berdasarkan kearifan perkongsian, unsur kesan positif humor dan nilai kearifan sosial kepimpinan, serta kearifan unsur kejenaan yang mempunyai fungsi kepada teka-teki Melayu sebagai hiburan yang mendidik khalayak tentang fenomena sosial yang wujud dalam komuniti sebagai menduga akal agar dilatih berfikir secara kreatif dan kritis melalui permainan bahasa yang menguji kepintaran.

Kajian ini menunjukkan bahawa teka-teki filem *Nujum Pak Belalang* sebagai perlambangan yang memperlihatkan kekuatan watak Pak Belalang sebagai seorang ahli Nujum Diraja. Walaupun naratif memperlihatkan watak Pak Belalang mengetahui jawapan teka-teki, aspek tersebut lebih menonjolkan unsur kebetulan dan strategi. Namun demikian, jikalau kesusasteraan tradisional telah meninggalkan warisan atau landasan seperti ini, maka perkembangan unsur jenaka dalam pertumbuhan kesusasteraan Melayu moden tidak tergelincir daripada asas ini dan terjerumus ke kancah kejenaan yang tidak bermoral dan bertamadun lagi serta mengikut pengaruh luaran yang tidak terbandung itu. Dari segi inilah kita harus menilai cerita jenaka tradisional sebagai karya agung yang meninggalkan warisan kesusasteraan bagi membina akal budi dan kearifan tempatan sebuah peradaban Melayu.

Secara kesimpulannya, konsep akal budi dan kearifan teka-teki Nujum Pak Belalang telah memperincikan analisis terhadap lima buah teka-teki filem *Nujum Pak Belalang*. Inti pati kajian terarah kepada aspek manifestasi, watak dan perwatakan serta kepercayaan masyarakat setempat dalam membentuk jati diri. Kebijaksanaan Tan Sri P. Ramlee dalam membina dialog-dialog yang mengandungi teka-teki Pak Belalang melatari kewibawaan seorang Seniman Agong yang mendidik para penonton melalui Teka-teki Nujum Pak Belalang sebagai dimensi pendidikan minda dan sosial dalam teka-teki dapat melatih pemikiran logik dan strategik, merangsang daya kreativiti dan imaginasi, serta mendorong kerjasama sosial ketika peneka cuba menyelesaikan teka-teki. *Nujum Pak Belalang* bukan sekadar menghibur setiap teka-teki menguji akal para pembesar dan penonton filem *Nujum Pak Belalang*. Menerusi teka-teki itu, semua yang mendengar teka-teki terpaksa berfikir logik untuk menjawab teka-teki semasa soalan dikemukakan satu persatu. Teka-teki dalam filem *Nujum Pak Belalang* sebuah naskhah yang kekal relevan dalam konteks pendidikan dan pembangunan kesusasteraan rakyat khususnya pemartaban teka-teki Melayu sehingga kini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Kajian Bahasa Melayu, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu atas sokongan menghasilkan kajian ini. Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Biasiswa dan Tajaan). Terima kasih kepada penilai artikel serta pihak Jurnal Akademika yang memberi peluang artikel ini diterbitkan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2006). Skrip filem *Nujum Pak Belalang*. https://www.academia.edu/16525449/Skrip_Filem_Nujum_Pak_Belalang. Diakses pada: 18 Disember 2018.
- Abi (peny.). (1986). *P. Ramlee Seniman Agong*. Utusan Publications & Distributors.
- Abu Bakar Hamid (pngr.). (2024). *Hikayat Hang Tuah*. Yayasan Karyawan.
- Aisyah Fadzil, A., et al. (2024). Poligami dalam syariah berdasarkan Surah al-Nisā' ayat 3. Dlm. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5 (2024)*. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Aminudin Mansor. (2015). *Akal Budi Melayu dalam Pantun dan Sajak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Datu Mohd. Mazudah Indal Jaya & Low Kok On. (2017). Unsur kejanggalan dan kesan positif humor dalam cerita jenaka suku kaum Bajau. Dlm. Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (peny.), *Akal Budi dalam Sastera Naratif dan Bukan Naratif*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Eizah Mat Hussain. (2018). *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim. (2021). Makna tersirat dalam teka-teki Melayu. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 8. 26-45. <https://mahawangsa-fbmk.upm.edu.my/arkib/vol-8-no-1-jun-2021>. Diakses pada 10 November 2024.

- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembinaan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan Pemikiran Melayu: Pesanan Terakhir Pejuang Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Inon Shaharuddin Abdul Rahman. (1988). *Teka-teki Warisan*. Teks Publishing.
- Izzal Khairi Ramli, et al. (2025). Manifestasi Metafora Melayu terkini. Isu dan Tred dalam Catan Kontemporari Malaysia. *Jurnal Seni dan Pendidikan* 13. 154-161. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/11292/6206>. Diakses pada 2 Februari 2026.
- Jananthan Kandok & Low Kok On 2016. *Sundait warisan Kadazandusun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Abdul Samad, Asmiaty Amat & Ramzah Dambul. (2021). *Sundait*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mastura Muhammad. (2006). Prinsip dan konsep bentuk filem Nujum Pak Belalang. *Jurnal Skrin Malaysia* 3, 171-188. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/11601/>. Diakses pada: 26 Jun 2022.
- Matlob. (1964). *Buku Sastera Alam Kanak-kanak*. Pustaka Antara.
- Mohd. Husnan Lubis. (2004). Tulisan Jawi: Pemangkin utama kecemerlangan dunia Melayu. Dlm. Worawit Baru@Haji Ahmad Idris (pngr.), *Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. (2007). Sastera rakyat/lisan Melayu: Antara pernyataan local genius dengan ciri-ciri kesejagatan. Dlm. *Tradisi Lisan Manifestasi Cendekiawan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. (2024). *Cerita Jenaka Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Muhammad Zuhair & Irwan Mahazir Ismail. (2024). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Suatu Tinjauan Literatur. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 12.15-26. Diakses pada 7 Julai 2025.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). *Perihal Keintelektualan dan Kepengarangan dalam Teks Tradisional*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. (2015). Manifestasi kearifan masyarakat Melayu tradisional dalam karya sasterawan Fatimah Busu. Dlm. Rahimah A. Hamid (peny.), *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nujum Pak Belalang*. (1956). Filem cereka. Shaw Brothers.
- Rahmi Tahniah, Saidat Dahlan & Asnawi. (2017). Pronomina bahasa Melayu dalam filem *Nujum Pak Belalang* karya P. Ramlee. *Gerakan Aktif Menulis (GERAM)*, 5(1), 66-72. <https://journal.uir.ac.id/index.php/geram/article/view/416/191>. Diakses pada: 25 Mei 2023.
- Rozmi Ismail. (2022). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaakob. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat. *Pendeta 14*. 56-70. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/6115/4564>. Diakses pada: 16 Disember 2025.
- Wan Hashim Wan Teh. (2003). Keseniman dan jati diri P. Ramlee sebagai reformis sosial. Dlm. *P. Ramlee Seniman Agong Dunia Melayu*. Arkib Negara Malaysia.

PENULIS:

Fadzilah Abdul Rahim
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: azdila16@gmail.com

Muammar Ghaddafi Hanafiah (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: muammar@ukm.edu.my

Shaiful Bahri Md Radzi
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: shaifulradzi@gmail.com